

Ortografi Kata Serapan Arab dalam Kamus Dewan Perdana berdasarkan Pendekatan Etimologi

Orthography of Arabic Loanwords in Kamus Dewan Perdana Based on an Etymological Approach

Norlina Kiflie^{1*}, Adi Yasran Abdul Aziz², Mohd Sauki Othman³, Salmah Jan Noor Muhammad⁴

¹Fakulti Pendidikan Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

^{2,3,4}Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Malaysia

*Corresponding author email: kinorlina@unimas.my

ARTICLE HISTORY

Received: 01st December 2025

Revised: 05th March 2026

Accepted: 01st April 2026

Published: 13th April 2026

KEYWORDS

Jawi

Kata kembar etimologi

Kata serapan Arab

Ortografi

(Pendidikan Berkualiti)

ABSTRAK - Kajian ini meneliti pengaruh etimologi kata serapan Arab terhadap variasi ortografi Jawi dalam pembentukan kata kembar etimologi dalam Kamus Dewan Perdana (2021). Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk analisis deskriptif dengan kaedah analisis dokumen. Data kajian terdiri daripada entri kata serapan Arab bertulisan Jawi yang membentuk kata kembar etimologi dalam kamus tersebut. Instrumen analisis berasaskan prinsip kata kembar etimologi Collins (2018) dan Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan (PUEJBMD, 2020). Analisis memfokuskan pengenalpastian bentuk ortografi Jawi serta proses adaptasi fonologi dan ortografi yang terlibat. Hasil kajian menunjukkan wujud dua pola ejaan utama, iaitu bentuk yang mengekalkan ortografi Arab dan bentuk Jawi standard. Variasi ini menyumbang kepada kewujudan kata kembar etimologi serta kekeliruan pengguna, khususnya dalam konteks kemerosotan literasi Jawi. Dapatan ini mempunyai implikasi terhadap kesinambungan sistem tulisan Jawi dan menegaskan keperluan penyelarasan ejaan kata serapan Arab bagi memperkukuh ketepatan ortografi serta meningkatkan keberkesanan rujukan dalam bidang leksikografi dan pendidikan Jawi bahasa Melayu.

ABSTRACT - This study examines the influence of the etymology of Arabic loanwords on variations in Jawi orthography in the formation of etymological doublets in Kamus Dewan Perdana (2021). The study employs a qualitative research design using a descriptive analytical approach through document analysis. The research data consist of Jawi-script Arabic loanword entries that form etymological doublets in the dictionary. The analytical framework is based on Collins' (2018) principles of etymological doublets and the Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan (PUEJBMD, 2020). The analysis focuses on identifying Jawi orthographic forms and the phonological and orthographic adaptation processes involved. The findings reveal two main spelling patterns forms that retain Arabic orthography and forms that conform to standard Jawi spelling. These variations contribute to the existence of etymological doublets and user confusion, particularly in the context of declining Jawi literacy. The findings have implications for the sustainability of the Jawi writing system and highlight the need for standardizing the spelling of Arabic loanwords to strengthen orthographic accuracy and enhance the effectiveness of reference practices in Malay lexicography and Jawi language education.

PENGENALAN

Kajian mengenai kata kembar etimologi (seterusnya KKE) merupakan salah satu usaha signifikan dalam memperkaya pemahaman tentang proses penyerapan kosa kata asing, khususnya daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu. Istilah KKE merujuk kepada pasangan kata yang berkongsi sumber asal yang sama, tetapi memperlihatkan perbezaan dari segi ejaan, sebutan, makna atau bentuk setelah melalui proses adaptasi dalam bahasa penerima. Fenomena ini menjadi ciri penting dalam perkembangan leksikon bahasa Melayu, lebih-lebih lagi apabila pengaruh Islam memperkenalkan pelbagai istilah Arab dalam ranah agama, budaya, linguistik dan kesusasteraan. Proses pengaruh silang ini bukan sahaja memperluas sistem leksikal bahasa Melayu, malah turut membentuk identiti budaya dan intelektual masyarakat Melayu.

Dalam konteks tulisan Jawi, kewujudan KKE sering menghadirkan cabaran yang kompleks dari sudut penyeragaman ejaan standard. Hal ini berlaku kerana perbezaan kaedah penyesuaian fonologi dan morfologi boleh menghasilkan lebih daripada satu bentuk ejaan bagi kata yang berasal daripada akar kata Arab yang sama. Misalnya, variasi dalam pengekal konsonan, pengguguran huruf tertentu, atau perubahan vokal lazimnya membawa kepada pembentukan dua atau lebih bentuk ejaan yang digunakan secara bertindih dalam bahan rujukan dan penggunaan harian. Keadaan ini menuntut penelitian mendalam kerana variasi ejaan yang tidak diselaraskan berpotensi menimbulkan kekeliruan kepada pengguna, termasuk pelajar, penyelidik, guru bahasa, serta masyarakat umum yang masih menggunakan tulisan Jawi.

Dari perspektif etimologi, fenomena ini memberi peluang penyelidikan yang luas untuk meneliti hubungan antara bahasa sumber dan bahasa penerima, termasuk tahap adaptasi fonologi, ortografi dan semantik yang berlaku. Dari sudut perkamusan pula, kajian terhadap KKE menjadi asas penting dalam memastikan ketepatan entri, maklumat asal-usul kata, serta konsistensi ejaan dalam kamus-kamus kontemporari seperti Kamus Dewan Perdana (KDP, 2021). Selain itu, kajian ini juga mempunyai nilai pendidikan yang tinggi kerana pemahaman terhadap variasi ejaan dan asal-usul kata dapat menyokong pengajaran bahasa Melayu dan pengukuhan literasi Jawi. Dalam konteks pemeliharaan warisan tulisan, analisis terhadap bentuk-bentuk kata ini turut membantu memastikan kesinambungan tradisi Jawi yang menjadi sebahagian besar identiti linguistik Melayu.

PENYATAAN MASALAH

Kajian Amran Kasimin (1987) menyatakan terdapat ejaan perkataan daripada bahasa Arab yang asalnya hampir hilang bunyi apabila disebut mengikut sistem bunyi bahasa Melayu apabila dirumikan khususnya padanan fonem tertentu seperti huruf /q/ dan /k/ yang mempunyai lambang padanan Jawi (ق). Menurut beliau perbezaan sistem bunyi antara Arab dan Melayu, menyebabkan bunyi tersebut diganti dengan bunyi yang paling hampir, seperti /k/ menggantikan /q/ dalam talaq → talak, atau dihilangkan sepenuhnya seperti dalam 'aqd → akad → ikat. Fenomena ini menunjukkan bahawa huruf Rumi yang digunakan untuk mewakili dua atau tiga huruf Arab menimbulkan masalah dalam ejaan Jawi. Masalah ini turut dinyatakan oleh Zainal Abidin Ahmad (2000) iaitu terdapat tiga padanan Jawi untuk bunyi [k]. Jika bunyi ini dipakai di awal suku kata diberikan padanan huruf (ك) untuk kata Melayu jati dan (ق) atau (ق) untuk kata serapan Arab dan huruf (ق), (ق) atau (ق) dipakai di akhir suku kata. Fenomena ini boleh mengelirukan para pelajar bagi membuat pilihan. Namun begitu, pandangan ini juga kurang tepat kerana masih terdapat perbezaan ejaan walaupun dieja dalam tulisan Jawi seperti yang terdapat dalam KDP.

Dari sudut pengajaran dan pembelajaran, walaupun Akta Bahasa Kebangsaan 1963 menetapkan bahawa penggunaan tulisan Rumi sebagai tulisan rasmi bahasa kebangsaan tidak harus menghalang penggunaan tulisan Jawi, realitinya peruntukan ini kurang diberi perhatian dalam arus perdana pendidikan dan masyarakat. Pengajaran Jawi dalam sistem persekolahan juga tidak diberi penekanan sewajarnya meskipun terkandung dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu dan Pendidikan Islam. Hal ini berpunca daripada dua faktor utama: pertama, ketiadaan kewajipan menjawab dalam tulisan Jawi dalam peperiksaan; dan kedua, kelemahan penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan guru bahasa kebangsaan generasi baharu. Pengajaran Jawi sering diserahkan kepada guru-guru Pendidikan Islam dengan andaian bahawa mereka lebih menguasai sistem ejaan Jawi, walhal dapatan menunjukkan penguasaan tersebut tidak semestinya menyeluruh (Hamdan Abdul Rahman, 2016).

Peminggiran tulisan Jawi semakin ketara apabila bahan penerbitan dalam tulisan Jawi semakin berkurangan. Situasi ini bukan sahaja mempercepat kehilangan tradisi tulisan Jawi, malah menjejaskan kelestariannya dalam masyarakat. Kesan lebih besar timbul apabila ketidakpekaan terhadap kaedah ejaan, khususnya bagi kata serapan Arab, membawa kepada kekeliruan sebutan dan perubahan

makna. Hal ini berlaku walaupun Jawi masih digunakan secara meluas dalam buku teks Pendidikan Islam di sekolah rendah, menengah, dan juga di peringkat universiti. Keadaan menjadi lebih rumit apabila pengguna tidak memahami pembahagian kaedah ejaan kata serapan Arab kepada dua kategori iaitu istilah keislaman dan kata umum. Di samping itu, kajian Muhamad Bukhari Lubis et al. (2014) terhadap huruf-huruf Jawi turut menemui bahawa terdapat huruf Jawi yang tidak mempunyai padanan jati dengan huruf Latin kerana sebutannya yang berlainan dengan huruf Latin seperti 14 huruf yang mempunyai padanan Latin lebih dari satu iaitu, huruf s (ص), sy, sh (ش), z, dh (ذ), h (ح), h, t (ة), z (ظ), t (ط), d, dh (ض), w, o, u (و), q, k (ق), k, o, u, e, i, a, ' (ع), k (ء) ts, s (ث) e, a (ى) dan y, e, i (ي).

Fenomena ini jelas menunjukkan bahawa sebilangan kata Arab yang mengalami perubahan bunyi dan ejaan telah memberi kesan dalam sistem ortografi Jawi khususnya apabila kosa kata tersebut didokumentasikan dalam Kamus Dewan Perdana (2021).

Tambahan pula, walaupun Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan (PUEJBMD, 2020) telah sekian lama digunakan melalui sokongan buku teks, program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), akhbar dan majalah, masalah dalam penguasaan Jawi masih berleluasa. Sebahagian besar masalah baharu yang wujud berpunca daripada ejaan Rumi yang dijadikan rujukan utama, sedangkan ejaan tersebut tidak sepenuhnya mencerminkan bunyi asal kata serapan Arab (Hamdan Abdul Rahman, 2016). Masalah ini semakin ketara apabila ejaan Rumi yang kurang selaras dengan bunyi asal bahasa Arab mewujudkan pasangan kata yang kelihatan berbeza tetapi berasal daripada akar yang sama. Kajian Collins (2018), Brown (1956) dan Nothofer (2009) menunjukkan bahawa bahasa Melayu memiliki banyak kata kembar etimologi berpunca daripada penyerapan bahasa Arab, misalnya qisas dan kisas, serta kalimat dan kalimah. Walaupun berasal daripada akar Arab yang sama, variasi ejaan ini menghasilkan perbezaan bentuk dalam Rumi. Dalam dialek-dialek Melayu, fenomena ini lebih ketara, contohnya pasangan kata bidaah dan bedaah, atau dikir dan zikir, yang bukan sahaja berbeza dari segi ejaan, tetapi juga membawa perbezaan makna dan fungsi.

Permasalahan berkaitan isu ejaan Jawi turut dikaitkan dengan pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab di peringkat universiti. Seperti kajian Ab. Halim Mohamad (2018) menunjukkan pelajar Jabatan Bahasa Asing (Arab), UPM masih lemah dalam penggunaan vokal alif pada suku kata terbuka akhir perkataan, sehingga mencadangkan pindaan terhadap sistem tulisan Jawi berdasarkan kaedah fonetik dan fonologi agar lebih mudah dipelajari. Masalah ketidakseragaman ejaan Jawi dan kelemahan penguasaan vokal dalam kalangan pelajar bukan sahaja menjejaskan literasi Jawi generasi muda, tetapi juga mengganggu kefahaman dan penggunaan sistem ejaan yang standard. Keadaan ini seterusnya menyumbang kepada kekeliruan ejaan dan makna dan kewujudan kata kembar etimologi, sekali gus menjejaskan ketepatan rujukan dalam sumber leksikografi seperti KDP. Fenomena ini menuntut kajian mendalam agar penyelarasan ejaan Jawi dapat diperkukuh demi kelestarian tulisan Jawi dalam konteks linguistik dan pendidikan negara.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti kata serapan Arab bertulisan Jawi yang menghasilkan kata kembar etimologi dalam kamus Dewan Perdana
- ii. Membincangkan perubahan ortografi kata kembar etimologi daripada kata serapan Arab dalam kamus Dewan Perdana.

Kajian Literatur

Merujuk kepada perspektif peminjaman bahasa asing seperti bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu, pengkaji menemui beberapa kajian lepas yang memfokuskan kata serapan Arab. Kebanyakan kajian lepas meneliti kata serapan Arab yang bertulisan Jawi seperti kajian yang dilakukan oleh Ab. Halim Mohamad dan Mohd Azidan Abdul Jabar (2018) menyatakan ejaan kata serapan Arab yang bertulisan Jawi menimbulkan kekeliruan penggunaan huruf seperti huruf zai (ز) dan dhāl (ذ), antara sīn (س), tha (ث) dan syin (ش). Walau bagaimanapun, kajian tersebut masih belum menyeluruh menghurai tahap penggunaan konsonan dalam kalangan pelajar Melayu. Bagi menyelesaikan permasalahan yang dinyatakan oleh mereka, maka semua huruf yang terlibat dengan perubahan ejaan daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu hendaklah dianalisis secara menyeluruh termasuklah yang melibatkan KKE.

Kajian Yasmin Afifah Yusmizam dan Aminuddin Saimon Khazanah (2025) menilai tahap penguasaan murid Tahun Enam SRA Kuang terhadap penulisan Jawi, khususnya kata pinjaman bahasa asing, berikutan kemerosotan penguasaan Jawi akibat pengaruh kosa kata asing yang semakin meluas. Dapatan menunjukkan majoriti murid masih keliru mengeja kata pinjaman bahasa Inggeris

berbanding bahasa Arab, sekali gus menegaskan keperluan pengajaran yang lebih sistematik dan berfokus bagi memastikan kelestarian tulisan Jawi.

Kajian Any Rozita Abdul Mutalib (2023) turut membincangkan isu kata serapan Arab dalam bahasa Melayu dengan menumpukan kepada aspek perubahan bunyi huruf Arab yang ditransliterasikan ke tulisan Rumi. Kajian tersebut, misalnya, meneliti perwakilan bunyi huruf (ث) yang didapati tidak sepenuhnya bertepatan dengan fonem /s/ dalam bahasa Melayu, sekali gus menunjukkan wujudnya perbezaan fonologi antara bahasa sumber dengan bahasa penerima. Walau bagaimanapun, penelitian tersebut terhad kepada dimensi transliterasi Rumi dan tidak melibatkan analisis terhadap ejaan Jawi. Ketiadaan dimensi Jawi menjadikan perbincangan kurang menyeluruh, memandangkan ortografi Jawi merupakan sistem tulisan yang berasaskan huruf Arab serta menjadi medium utama penyerapan awal kosa kata Arab ke dalam bahasa Melayu. Oleh itu, kajian yang turut mempertimbangkan aspek ejaan Jawi adalah penting bagi memberikan gambaran yang lebih komprehensif tentang proses adaptasi fonologi dan ortografi kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu. Seterusnya kajian Amat Juhari Moain dan Wan Mohd Saophy Amizul Wan Mansor (2016) menganalisis perubahan bunyi dan makna dalam kata-kata pinjaman daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu memang banyak berlaku, bukan sahaja pada kata-kata umum malah juga kata-kata istilah. Kajian Mohamad Nortaufig et al. (2019) pula menganalisis 17 kata kerja Arab dalam bahasa Melayu yang menunjukkan berlakunya penyempitan, perluasan, pengekal, dan penggantian makna, contohnya: iktidal (penyempitan), badan (perluasan), jawab (pengekal), dan habib (penggantian).

Menurut Collins (2018) dari aspek etimologi, bahasa Melayu di Malaysia, terdapat banyak KKE misalnya pasangan kata daripada kata serapan Arab dalam kamus Melayu seperti kata qisas dan kisas, qadar dan kadar. Kedua-duanya berasal daripada kata Arab yang sama. Kata kembar tersebut menunjukkan ejaan yang berbeza dan memiliki makna yang sama dalam tulisan Rumi. Manakala Nothofer (2009) menyatakan terdapat kata serapan yang berasal dari satu kata sumber yang erti atau maknanya lebih daripada satu. Misalnya, kata diwan dalam bahasa Arab merujuk kepada “tempat dokumen rasmi” manakala makna kata dewan dalam bahasa Melayu merujuk “balai tempat diadakan sesuatu”. Hakikatnya terdapat banyak kata kembar bukan sahaja dalam kata serapan Arab malahan daripada bahasa lain contohnya kata devan dalam bahasa Parsi bermaksud “kumpulan kertas bertulis” dalam bahasa Melayu menjadi dewan, duane, dipan dan diwani. Keempat-empat bentuk kata kembar ini berlaku perbezaan ejaan dan sebutan kerana kesan daripada sejarah peminjaman. Begitu juga, kajian mutakhir Shamsul Jamili Yeob dan Lubna Abd Rahman (2023) menggunakan pedoman etimologi untuk meneliti perubahan bunyi Arab dalam pelbagai bahasa, termasuk Melayu. Walaupun kajian ini membuktikan wujudnya pergeseran fonem akibat perbezaan sifat huruf Arab seperti istikla dan tafkhim, fokus kajian tetap bersifat antara bahasa dan berpusat pada bentuk Rumi. Kesan langsung terhadap ejaan Jawi dan peranan KKE tidak dibincangkan.

Kajian yang dijalankan oleh Nathesan (2018) meneliti asal usul dan sejarah kemasukan perkataan dalam kosa kata bahasa Melayu merentasi pelbagai bidang seperti adat istiadat, ekonomi, kesihatan, pendidikan dan undang-undang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perkembangan leksikal bahasa Melayu berlaku secara dinamik hasil interaksi sejarah, budaya dan keperluan masyarakat yang mendorong proses peminjaman serta penyesuaian makna dan bentuk kata. Tambahan menurut Nathesan (2015) terdapat banyak kata pinjaman daripada bahasa Arab mengalami perubahan bentuk dan bunyi sebelum diterima masuk ke dalam bahasa Melayu. Manakala kajian terhadap kata serapan Arab yang dilakukan oleh Amran Kasimin (1987) juga menunjukkan bahawa transliterasi Arab ke Rumi tidak dapat menyamai ketepatan bunyi dan makna asal kata serapan daripada bahasa Arab. Kemudian kajian Adi Yasran Abdul Aziz et al. (2017) memberi sumbangan penting dengan meneliti kata serapan Arab melalui pendekatan etimologi, khususnya isu ketidakseragaman ejaan Jawi, namun masih terbatas pada pengejaan kata dasar dua suku kata yang mengecualikan “hukum – rama” pada akhir kata contohnya “asrama” (اسرام), “gimrama” (كيمراما) dan “irama” (ايرام), kaedah umum ejaan kata serapan Arab dan ejaan ta marbutah (ة), dan ejaan untuk gugus konsonan pada akhir kata bagi kata serapan Inggeris.

Jones (2008) menekankan bahawa bahasa Arab banyak menyumbang kosa kata dalam bidang agama, hukum, dan budaya, dan menunjukkan bagaimana kata pinjaman diubah suai dari segi sebutan dan ortografi untuk disesuaikan dengan bahasa Melayu dan Indonesia. Dari sudut etimologi, huruf Jawi Melayu berasaskan abjad Arab tetapi disesuaikan dengan fonologi Melayu; contohnya huruf (ق) [q] dalam Arab berubah menjadi (ك) /k/ dalam Melayu. Ini menunjukkan ejaan Jawi mengekalkan jejak Arab sebagai asal usul, namun sebutannya diadaptasi agar sesuai dengan sistem bunyi Melayu. Huruf Jawi turut dibahaskan oleh Asmah Omar (2024), misalnya huruf pa (ف) dalam Jawi merupakan hasil penyesuaian daripada huruf Arab (ف), iaitu perubahan fonetik f kepada p berlaku kerana bunyi (ف) berangin, manakala (ف) tidak berangin dan lebih sesuai dengan sistem fonologi Melayu. Fenomena

menggunakan kedua-dua huruf dalam sesuatu kata telah memberi kesan dalam ejaan Jawi dan Rumi dalam kamus misalnya kata “kufu” (كوفو) dan “kupu” (كوفو).


Perbincangan sorotan di atas memperlihatkan bahawa kebanyakan kajian tentang kata serapan Arab memfokuskan ejaan kata serapan Arab transliterasi ejaan dan bunyi Arab ke Rumi berbanding Jawi dan Arab. Sebagai menambah kosa ilmu kajian kata serapan Arab khususnya melibatkan kata umum wajar dilakukan dari aspek yang berbeza khususnya dari aspek etimologi. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan kata serapan Arab yang bertulisan Jawi dalam KDP dari aspek KKE.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berbentuk analisis deskriptif dengan kaedah analisis dokumen. Data kajian terdiri daripada entri kata serapan Arab bertulisan Jawi yang membentuk kata kembar etimologi dalam kamus Dewan Perdana (2021) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Instrumen analisis berasaskan prinsip kata kembar etimologi Collins (2018) serta *Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan* (PUEJBMD, 2020). Kajian ini turut melibatkan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian kepustakaan dilaksanakan melalui pengumpulan dan penelitian sumber rujukan yang relevan bagi membina sorotan literatur sebagai asas konseptual kajian. Seterusnya, analisis teks dijalankan terhadap data kata serapan Arab yang bertulisan Jawi yang menghasilkan kata kembar etimologi dalam kamus tersebut bagi mengenal pasti bentuk ortografi dan pola adaptasi yang terlibat. Berdasarkan Rajah 1, konsep kajian kata kembar etimologi dibincangkan terdiri daripada dua objektif seperti yang dinyatakan pada bahagian objektif kajian. Meskipun terdapat banyak kata serapan Arab dalam KDP namun kajian ini hanya berfokuskan kepada kata serapan Arab dari aspek ejaan Jawi yang mempunyai hubungan dengan bahasa Melayu standard. Pengkaji akan mengumpul, meneliti, dan menganalisis data yang menunjukkan ciri-ciri kata kembar etimologi. Kaedah penelitian melalui pendekatan prinsip kata kembar etimologi Collins (2018), seperti dalam konsep prinsip kata kembar etimologi.

- a. Pasangan kata dalam satu bahasa yang berasal daripada sumber yang sama. Misalnya kata “warkah” (ورقة) dan “warkat” (ورقة) dari aspek persamaan ortografi Jawi, bunyi dan makna menunjukkan ciri-ciri kata kembar.
- b. Kadang-kadang bahasa sumber itu bahasa yang digolongkan dalam rumpun atau keluarga bahasa lain. Misalnya kata wabah ► wabak (وابه) dalam Jawi Melayu adalah antara kata yang dikategorikan sebagai kata kembar daripada asal Arab iaitu kata “wabak” (وباء). Perbezaan kata kembar daripada kata serapan Arab ini begitu ketara dari aspek ortografi.
- c. Kadang-kadang sumbernya serumpun dengan bahasa yang meminjam, malah sering ada pinjaman antara dialek yang menghasilkan kata kembar. Misalnya kata “masyhur” (مشهور) dan “sohor” (سهور) sebutan Melayu.

Bagi mencapai objektif kedua, data kata kembar etimologi yang telah dikenal pasti dianalisis dari segi perubahan ortografi berdasarkan pendekatan *Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan* (PUEJBMD, 2020). Berdasarkan pedoman tersebut, kata serapan Arab dikategorikan kepada dua kelompok, iaitu istilah keislaman dan kata umum. Dalam kategori kata umum, sebahagian kata dieja mengikut bentuk bahasa asal, khususnya kata yang telah mantap dan lama digunakan dalam masyarakat, manakala sebahagian yang lain dieja berdasarkan kaedah ortografi Melayu jati. Pendekatan ini signifikan kerana menyediakan garis panduan rasmi bagi penyeragaman ejaan Jawi kata serapan Arab dalam bahasa Melayu. Dalam kajian ini kata kembar etimologi bagi kelompok kata umum yang akan dibincangkan hanya melibatkan ortografi yang sama dan mengalami perubahan seperti pengantian, penambahan dan pengguguran huruf. Hal ini demikian kerana fokus kajian ini hanya mengenal pasti dan membincangkan beberapa senarai kata kembar yang dikumpul tidak melibatkan keseluruhan kata serapan Arab yang terdapat dalam KDP. Gambaran bagi pengaplikasian prinsip kata kembar etimologi Collins (2018) dan pendekatan PUEJBMD (2020) untuk penganalisan data kajian dapat diperlihatkan seperti dalam Rajah 1 di bawah.



Rajah 1. Kerangka Prinsip Kata Kembar Etimologi (Collins, 2018) dan Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan (2020)

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

3.1 Ortografi Jawi daripada Kata Serapan Arab

Sumber kata serapan Arab sangat penting kerana bahasa Melayu banyak menerima perkataan Arab relevan dengan kebanyakan penuturnya yang beragama Islam. Mohd Alwee Yusoff & Mohamad Azrien Mohamed Adnan (2008) menyatakan Bahasa Arab adalah bahasa al-Qur'an dan agama Islam. Oleh itu ia tersebar serentak dengan penyebaran agama Islam ke setiap negara yang penduduknya menganut Islam dan sekaligus ia menjadi bahasa yang terpenting bagi kira-kira satu billion umat Islam atau 22% dan keseluruhan bilangan penduduk dunia.

Berdasarkan prinsip kata kembar etimologi Collins (2018) ditemui adanya bentuk dedua (*doublet*) kata umum daripada kata serapan Arab yang menunjukkan ciri-ciri kata kembar etimologi seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah. Berdasarkan analisis data dalam Kamus Dewan Perdana (2021) dapatan kajian menunjukkan bahawa kewujudan kata serapan Arab memperlihatkan gejala kata kembar etimologi yang signifikan dalam ortografi Jawi. Secara khusus, didapati bahawa sejumlah entri yang berasal daripada akar kata Arab yang sama menampilkan bentuk ejaan Jawi yang seragam.

Jadual 1. Senarai ortografi Jawi daripada kata kembar etimologi yang sama dalam KDP

Rumi 1 dan Rumi 2	KKE Jawi 1	KKE Jawi 2
afrit/ifrit	عفريت Afrit()	عفريت
alfa ¹ ► alfu	الف	الف
alaqah/alkah	علقة	علقة
dalalah/dalalat	ضلالة	ضلالة
dirham/derham	درهم	درهم
fatahah ► fathah	فتحة	فتحة
fakih ► faqih	فقيه	فقيه
fasik ► fasiq	فاسق	فاسق
pasal ► fasal	فصل	فصل
filsafat ► falsafah	فلسفه	فلسفة
fidzah ► fidah	فضة	فضة
fitrat ► fitrah ²	فطرة	فطره
jamaah ► jemaah	جماعه	جماعه
khuluk/khulak	خلع	خلع
khizanah, khizanat ► khazanat	خزانه	خزانة
masyakah ► masyakat	مشقة	مشقة
mithali ► misali	مثالي	مثالي
musibat/ musibah	موصيبة	موصيبة
muktabar/muktabir	معتبر	معتبر
kanaah, kanaat ► qanaah	قناعه	قناعه
qiam ► kiam	قيام	قيام
raiat ► rakyat	رعيت	رعيت
rihal ► rehal	ريحل	ريحل
syariat/syariah	شريعة	شريعة
tahyul/tahayul	تحويل	تحويل
zohor ► zuhur	ظهر	ظهر
zohrah ► zuhrah	زهرة	زهرة
harakat/harakah	حركة	حركة
Rahmah/rahmat	رحمة	رحمة

Dapatan menunjukkan bahawa ortografi Jawi bagi kata serapan Arab memperlihatkan ciri-ciri kata kembar etimologi (KKE) seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1. Ciri-ciri bentuk ortografi menunjukkan dua bentuk ejaan Jawi yang digunakan secara berulang bagi kata yang berasal daripada akar kata Arab yang sama. Pengulangan ini menandakan wujudnya kesinambungan hubungan etimologi antara bentuk-bentuk ejaan tersebut. Fenomena ini sekaligus membuktikan bahawa pengejalan dan adaptasi ejaan berlaku secara serentak dalam penulisan Jawi. Dari aspek lain, bentuk asal Arab mengekalkan bentuk asal, sistem fonologi dan ortografi Jawi dalam bahasa Melayu.

Menurut PUEJBMD, kata serapan Arab dalam bahasa Melayu terbahagi kepada dua kategori utama, iaitu istilah keislaman dan kata umum. Bagi kategori istilah keislaman, bentuk ejaan asal bahasa Arab lazimnya dikekalkan sepenuhnya dalam penulisan Jawi dalam KDP. Antara kata tersebut termasuk (شريعة), (حركة), (ظهر), (رحمة), (فتحة), (فصل), (جماعه) dan (قيام). Kesemua kata ini tergolong dalam kategori istilah keislaman, iaitu kumpulan leksikal yang lazimnya tidak mengalami pengubahsuaian grafem semasa proses penyesuaian ke dalam bahasa Melayu. Hal ini bermaksud grafem Arab seperti *ha* (ح), *kha* (خ), *sad* (ص), *syin* (ش), *zha* (ظ) atau akhiran *tā' marbutah* (ة) dikekalkan sepenuhnya dalam Jawi tanpa ditukar kepada bentuk adaptasi tempatan.

Di samping itu, terdapat juga kata serapan Arab yang menunjukkan kelompok kata umum seperti (عقرية), (الف), (درهم), (فلسفه), (خزانه), (مثالي), (موصيية), (ريحتل) dan (تحويل). Berdasarkan Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan (PUEJBMD) kata serapan Arab walaupun bukan istilah keislaman sering dikekalkan ejaannya apabila tidak menimbulkan kekaburan fonetik. Hal ini bertujuan memelihara hubungan etimologi dengan bahasa sumber.

3.2 Kewujudan Dua atau Lebih Bentuk Ejaan bagi Kata Serapan Arab

Dapatan analisis KKE turut menunjukkan bahawa sebahagian kata serapan Arab dikenal pasti mempunyai dua atau lebih bentuk ortografi Jawi yang digunakan secara serentak dalam KDP. Meskipun ortografi Jawi bagi kata-kata tersebut berbeza atau telah melalui penyelarasan PUEJBMD (2020), kedua-dua bentuk ortografi Jawi masih dieja dengan dua kaedah dalam KDP. Hal ini menunjukkan bahawa wujud kesinambungan ortografi asal yang masih dipertahankan dan kata serapan Arab yang mengalami perubahan ortografi didokumentasikan dalam KDP.

Berdasarkan data dalam Jadual 2, jelas menunjukkan bahawa kedua-dua bentuk ortografi Jawi tersebut ditulis berbeza dengan bahasa asal iaitu Arab, namun tetap merujuk kepada makna dan akar kata Arab yang sama. Kewujudan dua bentuk ortografi ini menjadi asas tercetusnya kata kembar etimologi, iaitu dua bentuk ortografi Jawi yang berbeza tetapi berkongsi hubungan etimologi yang sama dalam KDP. Dapatan ini menegaskan bahawa variasi ejaan merupakan ciri penting untuk mengenal pasti ejaan asal dalam rakaman perkembangan etimologi kata serapan Arab seperti di bawah:

Jadual 2. Pengubahsuaian fonem Arab dalam ortografi Jawi

Rumi 1/Rumi 2	Jawi	Arab	Perubahan
Isnin/Senin	سنين	اثنين	(ش) ← (س)
sahur/saur ³	ساعور	سحور	(ح) ← (او)
halkum/lekum ¹	لكوم	حلقوم	(ق) ← (ك)
fasakh/pisah	فيسه	فسخ	(ف) ← (ث)
khutbah/ketubah	كتوبه	خطبه	(خ) ← (ك)
khalwat/keluat	كلوات	خلوة	(خ) ← (ك)
khalayak/ kelayak ► khalayak	كلاييك	خلاءييك	(خ) ← (ك)
lkhtiar/setiar	ستيار	اختيار	(خ) ← (س)
duriat ► zuriat	ذوريت	دورية	(ذ) ← (د)
azab/hajab	هاجب	عذاب	(ع) ← (ه)
zakat ► jekat	جكت	زكاة	(ج) ← (ز)
syubhah/ subahat	سوباھت	شبهه	(ش) ← (س)
nusus ► nusyuz	نوسوس	نشوز	(ش) ← (س)
syaitan/setan	سيتين	شيطان	(ش) ← (س)
sahabat ► sobat	سوبت	صحابه	(ص) ← (س)
wuduk ¹ ► udu ²	اودو	وضوء	(ض) ← (او)
riak ⁵ ► riyak	رياق	رياء	(ق) ← (ء)
Zalim/ dolim ► lalim	ظاليم/ دوليم لاليم	ظالم	(ظ) ← (ل) / (د)

Berdasarkan perubahan ortografi dalam Jadual 2, dapatan analisis menunjukkan bahawa proses penyerapan kata Arab ke dalam tulisan Jawi melibatkan pelbagai bentuk perubahan huruf dan penyesuaian bunyi akibat perbezaan sistem fonologi antara kedua-dua bahasa. Beberapa grafem Arab yang tidak mempunyai padanan langsung dalam sistem Jawi Melayu mengalami proses penyederhanaan fonetik dan penggantian huruf terdekat. Sebagai contoh, huruf (ش) yang melambangkan bunyi geseran pascapalatal /ʃ/ disesuaikan kepada (س) atau (ش) dalam Jawi bergantung pada realisasi /sy/ dalam bahasa Melayu. Begitu juga, huruf (ح) yang mewakili bunyi geseran faringal /h/ tidak wujud dalam fonologi Melayu dan lazimnya hilang daripada struktur suku kata atau digantikan dengan vokal terdekat seperti /a/ atau /o/ dalam bentuk Jawi. Seterusnya, bunyi letupan uvular (ق) /q/ turut disederhanakan kepada (ك) /k/ kerana ketiadaan bunyi uvular dalam Melayu, manakala huruf (ف) /f/ yang pada asalnya tiada dalam fonologi Melayu digantikan oleh (ث) /p/ dalam kata-kata lama sebelum diseragamkan kembali sebagai (ف) /f/ dalam ejaan moden.

Selain itu, huruf (خ) yang mewakili bunyi geseran uvular tak bersuara turut mengalami penyesuaian kepada (ك) dalam banyak kata umum, sejajar dengan kecenderungan fonologi Melayu yang menolak bunyi uvular. Perubahan lain melibatkan huruf interdental (ذ) yang diserap sebagai (د) kerana persamaan tempat artikulasi paling hampir, manakala konsonan faringal (ع) pula sama ada digugurkan sepenuhnya atau direalisasikan sebagai (ه) /h/ dalam Jawi Melayu. Terdapat juga kes terpencil melibatkan padanan antara huruf seperti (ص), (ز) atau (ء) atau yang mengalami perubahan

berdasarkan konteks morfologi dan sejarah ejaan, termasuk huruf (ص) disesuaikan menjadi (س) berikutan ketiadaan bunyi huruf tersebut dalam bahasa Melayu. Keseluruhannya, perubahan grafem atau huruf dan bunyi ini membuktikan bahawa proses pengadaptasian kata Arab ke dalam sistem Jawi berlaku melalui mekanisme penyederhanaan fonetik, pemilihan huruf padanan terdekat, dan penyesuaian mengikut norma sebutan Melayu. Fenomena ini sekali gus menyumbang kepada kemunculan kata kembar etimologi dalam Kamus Dewan Perdana.

3.3 Huruf Gubalan Melayu nga (ڠ), pa, (ڤ), dan ga (ڤ)

Selain itu, terdapat juga kata kembar yang ditemui mengalami perubahan ortografi hasil daripada huruf gubalan Melayu seperti *nga* (ڠ), *pa*, (ڤ), dan *ga* (ڤ). Perlambangan huruf ini mendorong entri kata kembar dalam KDP. Kata serapan Arab bagi kelompok umum yang diubah suai mengikut bunyi sebutan Melayu. Contohnya seperti dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 2. Huruf gubalan Melayu *nga* (ڠ), *pa*, (ڤ), dan *ga* (ڤ) dalam KDP

Rumi	Jawi	Arab
mukir ► mungkir/ mungkir	موڠكڠر / موڠكڠر	منكر
mumkin ► mungkin	موڠكڠن / ممكن / موڠكڠن	ممکن
laif ► daif/ laip ► daif/ lahip 9 ► daif/daif	لاءڤف / لاءڤف / لاءڤف / لاءڤف	ضعيف
kapan ¹ /kafan	كافن / كافن	كفن
perlu/fardu	ڤرلو / ڤرلو	فرض
fatwa/petua	ڤتوا / ڤتوا	فتوى

Dapatan dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa penggunaan huruf gubalan Melayu seperti *nga* (ڠ), *pa* (ڤ), dan *ga* (ڤ) merupakan hasil inovasi tulisan Jawi yang dicipta bagi memenuhi keperluan fonologi bahasa Melayu yang memiliki bunyi-bunyi yang tidak wujud dalam bahasa Arab. Huruf Nga (ڠ) berasal daripada bentuk asas huruf 'Ain (ع) yang kemudian diubah dengan menambah tiga titik di atas untuk menghasilkan lambang bagi bunyi sengau velar /ŋ/. Huruf *pa* (ڤ) pula dicipta dengan memodifikasi huruf Fa (ڤ) melalui penambahan tiga titik di atas bagi mewakili bunyi letup bibir tidak bersuara /p/ yang tidak terdapat dalam sistem fonologi Arab.

Sementara itu, huruf *ga* (ڤ) terbentuk melalui adaptasi huruf *kaf* (ك) dengan penambahan satu titik di atas untuk mewakili bunyi letup velar bersuara /g/. Ketiga-tiga huruf ini menunjukkan prinsip penyesuaian huruf dalam tradisi Jawi, iaitu pemilihan huruf Arab yang paling hampir dari segi bentuk dan tempat artikulasi sebelum ditambah atau diubah titik untuk menghasilkan bunyi baharu. Inovasi ini menyerlahkan kepakaran penulis Jawi dalam memadamkan sistem tulisan Arab dengan keperluan fonologi bahasa Melayu melalui kaedah pengubahan huruf yang sistematik dan konsisten. Apabila dianalisis melalui Prinsip Kata Kembar Collins (2018), variasi ini dianggap bukti kewujudan kata kembar etimologi (KKE), iaitu situasi di mana satu akar kata menghasilkan dua atau lebih bentuk ejaan kerana perbezaan amalan penulisan atau adaptasi fonologi. Walaupun pelbagai, bentuk-bentuk ini masih mengekalkan hubungan etimologi dengan kata Arab asal. Dapatan ini juga selari dengan Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu Dewan (PUEJBMD) yang membenarkan pengekal bentuk asal Arab bagi istilah tertentu dan modifikasi ejaan mengikut fonologi Melayu bagi kata umum. Oleh itu, penggunaan huruf gubalan dalam KDP bukanlah ketidakseragaman, tetapi bukti evolusi ortografi Jawi yang menggabungkan tradisi Arab dan keperluan fonetik Melayu namun memberi kesan lain iaitu KKE.

KESIMPULAN

Analisis ortografi kata serapan Arab yang bertulisan Jawi menunjukkan kewujudan bentuk ejaan yang sama dan berbeza, mencerminkan fenomena KKE. Bentuk yang sama mengekalkan akar etimologi

Arab, terutama bagi istilah keislaman manakala bentuk berbeza timbul daripada adaptasi fonologi Melayu, penggunaan huruf gubalan, dan variasi tradisi penulisan. Fenomena ini selari dengan Prinsip Kata Kembar Collins (2018) dan PUEJBMD (2020), membuktikan bahawa sistem ejaan Jawi bersifat dinamik, mampu mengekalkan hubungan etimologi Arab sambil penyesuaian dengan fonologi Melayu.

Secara kesimpulannya, penyerapan kata Arab ke dalam bahasa Melayu menunjukkan interaksi kompleks antara sistem fonologi Arab dan Jawi. Penyerapan kata serapan Arab ke dalam bahasa Melayu melibatkan penyesuaian fonologi dan ortografi, seperti, (س) ← (ش), (ا) ← (ح), (ك) ← (ق), (ف) ← (ف), (ك) ← (خ), (س) ← (خ), (ذ) ← (ذ), (ه) ← (ع), (ج) ← (ز), (س) ← (ص), (ا) ← (ض), (ق) ← (ء) dan (د) / (ل) ← (ظ) serta penciptaan huruf gubalan Melayu iaitu, huruf *nga* (غ), *pa* (ف) dan *ga* (ك) untuk bunyi yang tiada dalam Arab perlu diberi perhatian agar gejala KKE dapat dihindari dalam KDP. Adaptasi ini menghasilkan variasi ejaan yang mencerminkan kewujudan KKE, apabila dua bentuk ejaan sama dan berbeza mengekalkan akar kata yang sama. Hasil pendekatan etimologi ini mencadangkan prinsip KKE digunakan sebagai panduan untuk menyelaraskan ejaan kata serapan Arab dalam KDP, seterusnya meningkatkan ketepatan, keseragaman ortografi dan pemahaman etimologi dalam literasi Jawi.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan penghargaan terima kasih kepada Universiti Malaysia Sarawak atas sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

TIADA DANA

Kajian ini tidak disokong oleh mana-mana dana daripada badan awam, swasta, atau bukan berasaskan keuntungan.

KEPENTINGAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

SUMBANGAN PENULIS

Penulis 1: Pengurusan data, Penulisan draf asal.

Penulis 2: Metodologi dan penyeliaan.

Penulis 3: Penterjemahan.

Penulis 4: Pengesahan.

PENGISYTIHARAN AI GENERATIF

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada AI generatif digunakan dalam penulisan manuskrip ini.

KENYATAAN ETIKA

“Tidak terpakai.”

RUJUKAN

Adi Yasran Abdul Aziz, Wan Muhammad Wan Sulong, dan Norhafiza Alias. (2017). Penaakulan perkembangan tulisan Jawi mutakhir berdasarkan etimologi. *Pertanika MAHAWANGSA*, 4 (2). pp. 187-200. ISSN 2289-7259

Ab. Halim Mohamad. (2018). Penggunaan konsonan ṣād (ص), sīn (س), dan thā' (ث) dalam sistem tulisan Jawi. *Jurnal AL-ANWAR*, 5(1), 35–47. *Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur* (PBMITT).

Ahmad Juhari Moain & Wan Mohd Saophy Amizul Wan Mansor. (2016). *Kata-kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu: Perubahan bunyi dan makna*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Amran Kasimin. (1987). *Perbendaharaan kata Arab dalam bahasa Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Any Rozita Abdul Mutalib. (2023). Penyesuaian ortografi dan imbuhan kata serapan bahasa arab dalam enakmen undang-undang keluarga islam (Kedah Darul Aman) 2008. *RENTAS Jurnal Bahasa Sastera Dan Budaya*, 2(1), 23–54. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.2>
- Asmah Omar. (2024). Za'ba dan Rahsia Ejaan Jawi. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 17(2), 287-306. [https://doi.org/10.37052/jm.17\(2\)no6](https://doi.org/10.37052/jm.17(2)no6)
- Collins, J. T. (2018). *Mukadimah ilmu etimologi*. Edisi Kedua. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamdan Abdul Rahman. (2016). *Panduan menulis dan mengeja Jawi* (Edisi Kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jones, R. (2008). *Loan-words in Indonesian and Malay. Indonesian etymological Project*. Yayasan Obor Indonesia.
- Kamus Dewan Perdana Edisi Kedua*. (2021). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Etimologi Bahasa Melayu Dewan*. (2024). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nortaufiq Norhashimi, Aniswal Abd Ghani & Mohd Khaidir Abd. Wahabi. (2019). Etimologi kata kerja Arab-Melayu: Satu pengenalan awal. *Linguistik Bahasa dan Pendidikan. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Pulau Pinang, Malaysia*, pp. 52-59. <http://eprints.usm.my/id/eprint/46522>
- Mohd Alwee Yusoff dan Mohamad Azrien Mohamed Adnan. (2008). Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ilmudan Peradaban: Satu kajian dari sudut keistimewaannya. *Jurnal Usuluddin*, 27, 157–167. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/6362>.
- Muhammad Bukhari Lubis, Makmur Haji Harun dan Alizah Lambri. (2014). *Jawi warisan warga alam Melayu*. Penerbit Mentari, Tanjung Malim, Perak.
- Nothofer, B. (2009). Patut dan Turut; Dua dan Separuh; Datar dan Rata: Kata Warisan atau Kata Pinjaman? Catatan Mengenai Etimologi Kosa kata Melayu. *Linguistik Indonesia, Jurnal Ilmiah Masyarakat Linguistik Indonesia*, 27(1), 23-43.
- Nothofer, B. (2013). *Pengantar etimologi bahasa Indonesia. Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa*. Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan.
- Pedoman Umum Ortografi Jawi Bahasa Melayu Dewan*. (2020). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Nathesan. (2018). *Kata pinjaman terpilih dalam bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Nathesan. (2015). *Etimologi bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Jamili Yeob dan Lubna Abd Rahman. (2023). Perubahan dan kehilangan bunyi Arab dalam beberapa bahasa pilihan: Satu kajian etimologi bunyi Arab. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities(MJSSH)*, 8(12),e002612. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i12.2612>
- Yasmin Afifah Yusmizam dan Aminuddin Saimon Khazanah. (2025). Penguasaan murid tahun enam terhadap tulisan Jawi bagi perkataan pinjaman bahasa Asing. *PENDETA*,16(2), 106-119.<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.2.9.2025>
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). (2000). *Pelita Bahasa Melayu Pengal I-III*: Dewan Bahasa dan Pustaka.